

FALSAFAH DAN KEBUDAYAAN

Pokok Falsafah Islam

(Diterjemahkan Oleh: Ahmad Yahya, Kaherah)

Ibn Rushd

Sebuah buku yang berhubung dengan falsafah Islam tertulis dalam bahasa Inggeris, oleh Dr. Ahmed Fouad, salah seorang mahaguru falsafah Universiti Kaherah di Fakulti Kesusasteraan. Di bahagian pertama pengarang telah membentangkan tentang kesulitan umum dalam falsafah Islam, pokok pembicaraan yang pertama yang dititik beratkan tentang falsafah: Adakah dayanya berunsurkan falsafah Islam? Atau falsafah Arab? Adakah bangsa-bangsa Arab mempunyai falsafah sebelum kedatangan Islam? Atau adakah bangsa Arab keistimewaan mereka dalam hikmah sahaja – tidak kerana falsafah? Bagaimana dibawa falsafah ini dari Greek, dari India, di abad mana pula kerja-kerja menterjemah falsafah ini diusahakan? Dan di manakah sekolah yang mengusahakan terjemahan yang paling termasyhur, siapakah ahli penterjemah yang paling masyhur! Dan apakah nama buku yang telah diterjemahkan sebelum adanya kitab *Majesty* (al-Majestī) yang membicarakan ilmu falak itu, dan buku “*Uṣūl al-Uqlīdis*” tentang ilmu (geometri) dan buku “*Tibb Jālīnūs*” (tentang perubatan).

Kemudian pengarang membentangkan pula tentang perbezaan di antara falsafah dengan ilmu-ilmu yang lain yang mana ada

percantumannya seperti ilmu kalam, ilmu falak, dan ilmu-ilmu lain yang ada perkaitan dengan ilmu falsafah ini.

Berbezanya Falsafah Dengan Ilmu Yang Lain:

Pada pendapat pengarang ini bahawa falsafah adalah berbeza dari ilmu fikah, ilmu kalam, ilmu hisab, ilmu kejadian tabi'i, ilmu falak, geometri, perubatan menurut erti yang sebenar-benarnya.

Ahli falsafah mula-mulanya dikenal sebagai ulama ulung kemudian meningkat kerana pengetahuan kepada cara ilmu berfikir. Tugasnya berfalsafah. Al-Kindi terkenal sebagai ahli dalam ilmu hisab, dan seseorang jaguh falsafah, manakala Ibnu Sina dikenal sebagai tabib dan ahli falsafah.

Kemudian, pengarang ini menyebutkan tentang jaguh-jaguh falsafah Arab sama ada di timur mahupun di barat di antaranya al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina, Ibn Tufayl, Ibn Bajah, dan Ibn Rushd. Pada akhir karangannya, pengarang ini membicarakan falsafah bangsa Arab hari ini dan tentang falsafah Presiden Gamal Abdel Nasser.

Al-Kindi lebih dikenal sebagai ahli falsafah Arab, kerana dia ialah seorang Muslim dari bangsa Arab yang

terlung sekali dalam bahagian falsafah ia telah
mengarang 300 buah kitab dalam aneka pengetahuan.
Di antara kata-katanya yang paling besar sekali sudah tiada
begitu dapat dipelajari isinya lagi kerana tulisannya
sudah tidak begitu terang, hanya sebahagian kecil
di bahagian akhir yang dapat memberi peluang untuk mengetahui
sedikit tentang penulisannya.

Al-Kindi ialah orang yang pertama meletakkan
penyatuan di antara agama dan falsafah. Kesulitan
penyatuan ini, kerana keadaan falsafah yang berlainan
semenjak Islam turun hingga hari ini, iaitu
dasar falsafah adalah berpandukan kepada “akal” sedang
agama berpandukan kepada “wahyu”. Ilmu falsafah menetapkan
adanya pengatur alam, ini dengan dalil-dalil akal, sedang
agama menetapkan wujudnya pengatur alam ini, dengan dasar

wahyu dan iman.

Masyarakat Arab semenjak timbul adalah merupakan
satu masyarakat yang beragama yang tidak lagi mengingkari
wujudnya (Allah), maka di sini terpaksa disatukan
di antara fahaman agama dan falsafah.

Al-Kindi telah membentangkan dengan panjang lebar adanya
Allah dengan ilmu hisab, kerana jika alam ini tidak
ada kesudahannya maka tidaklah berkehendakkan kepada yang
menjadikan iaitu Allah *'Azza wa Jalla*; apabila kita mengaku
alam ini ada kesudahannya ketika itu terbukalah jalan
menenal Tuhan seru sekalian alam.

Al-Kindi mempunyai dalil-dalil berdasarkan ilmu
hisab tentang menetapkan kebinasaan alam ini dan menentang
pendapat yang mengatakan alam ini adalah kekal. Dalil-dalilnya
sama sahaja dengan pendapat ilmu hisab secara baharu



Ahli jawatankuasa Persatuan Penuntut-penuntut Islam 1961 Maktab Perguruan Kota Bharu Kelantan,

bergambar ramai untuk kenangan. Duduk dari kiri saudara-saudara: Siti Maryam, Ilyas Othman (Setiausaha),

Idris (Yang Dipertua), U. Kamarulzaman (Penasihat), Sulaiman (Naib Yang Dipertua), Faizah Halim (Bendahari)

dan Puteri Mazirah. Manakala yang berdiri pula, dari kiri saudara-saudara: Tahar Ramli, Fadhil dan Naksus.

hari ini.

Al-Farabi pula ialah orang yang mula-mula mencipta alat muzik yang bernama "*al-Qānūn*". Ia disifatkan sebagai guru kedua, sedang Arsitū (Aristotle) dikira guru pertama, kerana dialah orang yang pertama yang mengasaskan ilmu mantiq, sedang al-Farabi, orang yang pertama meletakkan mantiq itu dalam erti kata yang sebenarnya di kalangan bangsa Arab, di sana didapati beberapa sebab yang lain tentang anggapan tersebut.

Al-Farabi dikenal sebagai pengasas, atau pencipta ilmu "muzik" dan pengubah irama-irama lagu, yang menunjukkan peri kemajuan bangsa Arab pada zamannya.

Buku pertama karangan al-Farabi ialah "*al-Madīnah al-Fāḍilah*" yang menyatakan susunan undang-undang Islam "Republik Plato" serta mensesuakannya dengan undang-undang Islam.

Ada moleknnya bagi kita untuk membina masyarakat bangsa hari ini membuat peninjauan ke dalam buku *al-Madīnah al-Fāḍilah* ini, bagaimana al-Farabi bercita-cita hendak membina satu masyarakat yang maju, melorongkan kebanyakan ahli falsafah berkesudahan falsafahnya dengan berpandu kepada buku itu.

Di antaranya Ibn Bajjah telah mengarang sebuah kitab yang bernama "*Tadbīr al-Mutawahhīd*". Ia secara langsung berpandu kepada kitab al-Farabi (*al-Madīnah al-Fāḍilah*) itu. "*al-Mutawahhīd*" ertinya, ahli falsafah yang tunggal yang sering mengasingkan dirinya dengan pemikirannya mendorong kepada – mengenal Tuhan, mengenal segala suasana alam dan hakikat kemanusiaan. Andainya Ibn Bajjah tidak mengambil bahagian dalam siyash atau mati muda, nescaya falsafahnya adalah di antara falsafah yang paling terkenal di Andalus.

Ibn Sina ialah seorang yang menghimpunkan di antara ilmu kedokteran dan falsafah, ia juga orang yang paling dikenal tentang memperkatakan tentang falsafah Arab ia juga orang yang mensesuaikan di antara ilmu kedokteran dan falsafah. Ilmu perubatan telah di terjemahkan orang ke bahasa Latin, dan di pelajari orang di universiti-universiti Eropah hingga kurun yang kedelapan belas. Buku falsafahnya bernama "*al-Shifā'*" sebuah buku yang mengupas secara mendalam terutama dalam bahagian mantiq, ilmu kejadian tabi'i, dan ilmu hisab dan juga tentang ilmu ketuhanan. Oleh itu, di Mesir, khasnya semenjak dari sepuluh tahun yang lampau. Kementerian Pelajaran telah berusaha membongkar kembali dan memungut bahan-bahan daripada buku *al-Shifā'* ini, yang pada masa ini telah siap dicop sebanyak 7 penggal besar-besar.

Manakala sudah dikumpulkan bahan-bahan dari bukunya yang membicarakan muzik iaitu dari satu penggal di antara buku-bukunya di dalam ilmu hisab yang menunjukkan bahawa Ibn Sina orang yang pertama membentuk nota muzik.

Dari itu tidak syak lagi untuk mengkaji tentang kemajuan Ibnu Sina, dalam bahagian falsafah ini haruslah kita membongkar kembali dengan sedalam-dalam bukunya yang bernama *al-Shifā'* itu. Falsafah Ibn Sina mendapat tentangan hebat dari ahli falsafah. Ibn Tufayl ialah orang ialah yang mengecam dengan kuatnya terhadap al-Farabi, Ibn Sina, dan al-Ghazali, iaitu dalam bukunya "*Ḥayy bin Yaqzān*" buku ini dikarang oleh Ibn Tufayl yang menerangkan adanya persesuaian di antara agama dan falsafah kerana "*Ḥayy bin Yaqzān*" orang yang tidak

beribu bapa yang tinggal di pulau "na'iyah" keseorangan.

Daripada itu tidak hairan dia mendapat pendidikan dengan akhlaknya hingga sampai kepada mengenal tuhan, kemudian berpindah ia dari pulau itu lalu pergi ke pulau yang lain, yang penduduknya hidup beragama dan menjalani undang-undang. Di sinilah Ibn Tufayl dapat memberi pengertian bahawa hikmah syariah ada penyesuaiannya.

Buku *al-Shifā'* ini juga telah di terjemahkan kepada bahasa lain. Pengarang buku "*Robinson Cruise*" adalah sangat-sangat tertarik dengan buku tersebut.

Ibn Rushd

Di Eropah Ibnu Rushd dikenali sebagai pensyarah falsafah malah dia lebih terkenal daripada Aristotle tentang fahamannya. Falsafahnya berdasarkan akal fikiran yang penuh kepercayaan dengan menghubungkan di antara sebab dan musabab sesuatu.

Ketika buah fikirannya dibawa ke negeri Eropah maka di sana orang-orang menghargainya dan ada pula yang yang memusuhinya, dari situ berpecahlah orang-orang Eropah setengahnya menjadi pengikut Ibn Rushd dan yang lain mencela mencacinya. Pergerakan ini disebut dalam kitab tarikh dengan nama pergerakan "*Rushd Latin*"

Setelah itu timbullah krisis di timur dalam kalangan falsafah, maka terhentilah pemikiran-pemikiran falsafah, dan ditegah segala orang menumpukan perhatiannya terhadap memikirkannya kerana falsafah ketika itu menjadi larangan. Pada akhir kurun 19 timbullah kesedaran di kalangan ahli fikir Arab bahawa (ketinggalan dari mengkaji falsafah ini dikira satu kemunduran besar dalam kemajuan bangsa Arab), dari itu menjelma pula falsafah ke alam Arab

sekali lagi.

Mulalah pula orang timur bekerja memindahkan falsafah dari barat dan bangsa Arab hari ini sedang mengalami banjir usaha menterjemah dengan besar-besaran. Tidak kurang adanya dari usaha menterjemah semasa permulaan tertegaknya kerajaan Abbasiyah dahulu, dan hari ini pula, mulalah orang mengenal falsafah kebangsaan yang dianjurkan oleh Gamal Abdel Nasser yang tidak ke timur dan ke barat. Falsafah baharu ini masih membuka pintunya yang kita tidak dapat mengetahui bilakah sempurna pembinaannya. Kerana dia berhubung rapat dengan suasana-suasana alam hari ini. Di sana ada lagi buku-buku falsafah Islam, yang menyatakan dengan sejelas-jelasnya tentang kemajuan, kesenian dan kesusasteraan Islam.

BUKU2 RUMI

*Pendidikan	\$1.20
*Akhlak	1.20
*Surat Menyurat	1.50
*Jalan ka-Kota Baharu	1.50
Penglipor	1.50
Panduan Pekedai2 Kechil	0.70
Balek dari Medan Perjuangan	1.00
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang	2.00
Keris Sempena Riau	1.00
Tinjauan Sastera Tanah Ayer	1.50
Sisa Neraka Dunia	1.00

Buku A.B.C (buku bacaan) di-dalam-nya tiga warna

*Kalau memesan hendak-lah sebutkan naskhah Rumi. Kerana buku ini ada naskhah Jawi-nya.

QALAM,

336/358. GEYLANG ROAD,
SINGAPORE 14